

6

RENAISAN, BAROK DAN ROMANTISME

6.1 RENAISSAN

Renaisan bermaksud kebangkitan atau kelahiran semula. Ia berkembang dalam bidang seni, budaya dan keilmuan yang berlaku sepanjang abad ke-13 dan ke-16. Bermula di Itali dan seterusnya merebak ke negara-negara Eropah yang lain seperti Perancis, Sepanyol dan Jerman. Pada zaman ini, berlaku ketinggian minat dalam pembaharuan seni dan reka bentuk purba Yunani dan Rom termasuk falsafah terhadap manusia, persekitaran dan sains.


6.1.1 Ciri-ciri Seni Renaisan

a) **Simetri, Bentuk dan Saiz**

Pemulihan manuskrip purba yang dilakukan oleh tokoh-tokoh humanis renaisan mengangkat keagungan tamadun Yunani dan Romawi dalam menggunakan matematik dalam kekukuhan struktur seni. Hubungan antara kedua-dua kajian ini adalah yang paling jelas dalam seni bina, di mana nisbah berangka telah digunakan dalam reka bentuk bangunan. Sebagai contoh, sebuah bangunan yang berukuran 30.5 meter lebar dan 15.2 meter tinggi dinisbahkan dengan nilai 2:1 ($30.5 : 15.2 = 2:1$).

b) Perkadaran

Salah satu kadar banding atau proposi paling menarik yang digunakan oleh seniman Renaisan ialah 'the golden mean', iaitu yang digunakan oleh orang-orang Yunani dalam kesenian dan seni bina. Sering dijumpai dalam alam semula jadi adalah berbentuk seperti daun atau lingkaran cangkerang, 'the golden mean' dianggap menambah kepada komposisi harmonis pada bangunan dan struktur lain.



[Sumber: http://www.soulsofdistortion.nl/SODA_chapter5.html]

Rajah 6.1: Lengkungan 'The Golden Mean'.

Humanis merupakan suatu pemikiran bagi tokoh-tokoh Renaisan yang mengadaptasikan tulisan-tulisan Marcus Vitruvius Pollio, seorang arkitek Rom sebagai rujukan dan panduan dalam reka bentuk seni bina. Vitruvius menyanjung kebaikan kadar banding dan ukuran simetri dalam seni bina dan beliau menjelaskan bagaimana tubuh manusia mewakili keindahan perkadaran dalam alam semula jadi. Arkitek Renaisan telah pergi ke tapak runtuh bangunan-bangunan purba lama untuk mengukur dan belajar bagaimana ukuran kadar banding digunakan dalam struktur sebenar bangunan tersebut.